

**KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN
DI MALAYSIA**

***STATUS OF THE FISHERIES SECTOR
IN MALAYSIA***

KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Sektor perikanan di Malaysia memainkan peranan yang penting untuk menyumbangkan pengeluaran ikan sebagai sumber makanan dan protein yang penting kepada negara. Sektor ini juga menyumbang sehingga 1.57% kepada KDNK, serta memberi peluang pekerjaan kepada 79,000 orang nelayan dan 20,000 orang penternak ikan. Sektor perikanan pantai menghasilkan pengeluaran yang mapan dan berterusan iaitu sekitar 800,000 tan metrik setahun dalam tempoh hampir sepuluh tahun yang lepas. Pencapaian ini adalah hasil dari usaha berterusan pengurusan sumber perikanan yang dilakukan oleh pihak Jabatan.

Beberapa tindakan sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara. Situasi ini adalah kerana eksploitasi yang berlebihan dari sektor perikanan pantai yang mana pada masa kini telah menghasilkan pengeluaran yang maksimum. Usaha-usaha telah diambil untuk menambahkan pengeluaran sektor perikanan laut dalam serta membangunkan sektor akuakultur. Sehubungan dengan itu, penambahan vesel-vesel laut dalam serta pengawalseliaan yang lebih ketat terhadap vesel-vesel yang sedia ada akan memberi sumbangan yang positif kepada sektor perikanan di masa akan datang.

Walau bagaimanapun harapan untuk meningkatkan pengeluaran ikan, bergantung kepada potensi sektor akuakultur, yang mempunyai kawasan berpotensi yang luas. Dijangkakan bahawa pengeluaran daripada sektor ini akan dapat ditingkatkan empat kali ganda menjelang tahun 2010. Perancangan dan langkah bersepadu telah diambil dengan penyertaan pihak swasta terutamanya badan-badan korporat. Adalah diyakini bahawa industri akuakultur akan menjadi pemangkin ke arah mempertingkatkan pengeluaran ikan negara di abad akan datang.

2. PROFIL PERIKANAN

Pada tahun 1997 jumlah pengeluaran daripada sektor perikanan telah mencapai 1,280,907 tan metrik dengan nilai pengeluaran RM 4.35 bilion. Sektor ini sekali lagi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.35% dari segi pengeluaran dan 13.28% dari segi nilai. Penyumbangan sektor perikanan kepada KNK adalah 1.57% untuk tahun 1997 berbanding dengan 1.54 pada tahun 1996. Di samping itu penyumbangan kepada sektor pertanian juga menggalakan di mana ia telah meningkat daripada 12.05% pada tahun 1996 kepada 12.57% pada tahun 1997.

Mengikut sektor, pengeluaran daripada perikanan marin menyumbangkan 91% daripada pengeluaran ikan negara iaitu sebanyak 1,168,973 metrik tan yang bernilai RM3.68 bilion. Disektor ini, perikanan pantai masih kekal sebagai penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 1,037,887 tan metrik bernilai RM3.31 bilion. Sektor perikanan laut dalam, yang belum mencapai potensi maksimanya menyumbang 10.2% iaitu sebanyak 131,086 tan metrik bernilai RM365 juta.

Pada masa yang sama, sektor akuakultur telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 107,984 tan metrik dan dengan itu menyumbangkan kira-kira 8.4% kepada jumlah pengeluaran ikan. Angka ini menurun sebanyak 1% jika berbanding dengan pengeluaran pada tahun 1996. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengeluaran kerang yang merosot yang biasanya menyumbang sehingga 60% kepada pengeluaran tahunan akuakultur. Selain daripada kemerosotan kerang, pengeluaran lain-lain sistem-sistem kultur utama menunjukkan pertumbuhan yang sangat menggalakkan. Memandangkan peringkat pengeluaran sistem-sistem kultur ini yang menghasilkan produk yang lebih berharga, nilai pengeluaran meningkat sebanyak 31.71% daripada RM462.40 juta pada tahun 1996 kepada RM609.04 juta pada tahun 1997.

Sektor perikanan darat tetap mencatatkan pengeluaran yang rendah iaitu hanya 3,950 tan metrik pada tahun 1997 (0.31% daripada jumlah pengeluaran ikan). Pada tahun 1997, industri ikan hiasan mencatat pengeluaran sebanyak 309 juta ekor ikan bernilai RM61.22 juta dengan peningkatan sebanyak 1.4% kepada jumlah nilai pengeluaran sektor perikanan.

Dari segi guna tenaga, sektor perikanan terdiri daripada 78,989 orang nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen dan 19,717 orang penternak ikan yang terlibat di dalam berbagai sektor akuakultur. Angka ini tidak termasuk beribu-ribu pengusaha yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti-aktiviti hiliran dan industri-industri yang berhubung kait dengan industri perikanan. Jumlah vesel menangkap ikan yang dilesenkan pada tahun 1997 ialah 32,672 buah di mana kebanyakannya mengusahakan pukut-pukat tradisional (79.0%).

3. PERIKANAN MARIN

3.1 Nelayan

Pada tahun 1997 sejumlah 78,989 orang nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan berlesen iaitu menurun sebanyak 0.79% jika dibandingkan dengan tahun 1996. Nisbah nelayan yang bekerja dengan vesel menangkap ikan komersial (42.0%) berbanding dengan bilangan nelayan yang bekerja di vesel menangkap ikan tradisional (58.0%) tidak berubah dalam tempoh tersebut.

Negeri Pahang telah mencatatkan penurunan bilangan nelayan yang ketara iaitu sebanyak 26.27% manakala Negeri Kelantan mencatatkan penambahan bilangan nelayan sebanyak 17.18%. Perubahan ini mungkin akibat daripada perpindahan operasi perikanan laut dalam ke Negeri Kelantan. Negeri Pulau Pinang juga menunjukkan penambahan nelayan yang ketara iaitu sebanyak 29.28%. Negeri Sarawak mencatatkan penambahan nelayan seperti dijangkakan

sebanyak 12.87% ekor berbagai usaha yang diambil untuk membangunkan perikanan laut dalam di Sarawak. Walaupun Labuan mencatatkan peningkatan nelayan dari segi peratusan yang tinggi iaitu 34.77%, tetapi bilangan nelayan yang berusaha di vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen adalah masih rendah (bertambah dari 279 orang kepada 378 orang). Selain daripada perubahan-perubahan yang tersebut di atas, bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berdaftar di negeri-negeri lain tidak berubah dengan ketara.

Untuk dekad yang lepas, industri perikanan laut dalam seringkali dipengaruhi oleh industri perikanan negara-negara jiran. Berbagai langkah telah diambil untuk memastikan bahawa pembangunan industri perikanan laut dalam akan membawa keuntungan maksima kepada negara. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang, pengusahaan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam masih bergantung kepada penggunaan tenaga kerja asing. Dengan penglibatan vesel-vesel carter dalam industri laut dalam, bilangan nelayan asing telah bertambah daripada 7,048 orang pada tahun 1996 kepada 8,437 orang pada tahun 1997 iaitu pertambahan sebanyak 20%. Sebanyak 8,232 orang nelayan asing telah diluluskan untuk berkerja di Semenanjung Malaysia, 163 orang di Labuan dan 42 orang di Negeri Sarawak. Peratus nelayan asing yang telah diluluskan untuk berkerja di Negeri Terengganu ialah 30.89%, Kelantan 21.30%, Pahang 17.94%, Perlis 11.31%, Labuan 1.93% dan Johor Timur 6.27%.

3.2 Vesel-vesel Menangkap Ikan

Secara keseluruhan vesel-vesel menangkap ikan yang berdaftar di Malaysia berkurang sebanyak 2.74% iaitu daripada 33,592 buah pada tahun 1996 kepada 32,672 buah pada tahun 1997. Penurunan ini terjadi terutamanya di sektor perikanan laut pantai yang terdiri daripada 25,847 buah vesel pada tahun 1997 menurun sedikit dari 26,785 buah pada tahun 1996. Penurunan ini dijangkakan, memandangkan dasar-dasar Jabatan cuba mengurangkan usaha menangkap

ikan dalam sektor ini untuk menangani masalah eksploitasi yang berlebihan bagi menjamin pengeluaran maksima yang mapan. Pengurangan bilangan vesel di sektor ini berlaku terutamanya di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 4.16% (daripada 21,250 buah pada tahun 1996 kepada 20,365 buah pada tahun 1997). Penurunan bilangan vesel juga berlaku di Sarawak yang menurun sebanyak 2.79% (daripada 2,405 buah kepada 2,338 buah). Bilangan vesel menangkap ikan di Sabah kekal tidak berubah untuk dua tahun yang lepas manakala Labuan mendaftarkan lebih 32 buah pada tahun 1997 berbanding dengan 101 buah pada tahun 1996.

Perancangan dan pembangunan sektor perikanan laut dalam mengambil kira status sumber perikanan. Berdasarkan maklumat sumber perikanan yang diperolehi, bilangan vesel menangkap ikan yang dibenarkan untuk sektor perikanan laut dalam agak kecil jika dibandingkan dengan lebih dari 30,000 buah vesel yang dilesenkan untuk menerokai perairan laut pantai. Pada tahun 1997 bilangan vesel laut dalam yang dilesenkan ialah 516 buah iaitu tambahan hanya sebanyak 12 buah berbanding dengan tahun 1996.

3.3 Perkakas Menangkap Ikan

Pada kebiasaannya sebuah vesel menangkap ikan dilesenkan untuk mengusahakan sejenis perkakas sahaja. Walau bagaimanapun terdapat operasi menangkap ikan yang mana lebih daripada sebuah vesel menangkap ikan digunakan. Pada masa yang sama juga terdapat vesel-vesel menangkap ikan yang mengusahakan lebih daripada sejenis perkakas samada pada masa yang sama ataupun di musim yang berlainan. Oleh sebab itu bilangan lesen yang dikeluarkan untuk perkakas menangkap ikan dengan bilangan lesen yang dikeluarkan untuk vesel menangkap ikan biasanya tidak sama. Walau bagaimanapun pada amnya kedua-duanya menggambarkan arah aliran yang sama terhadap perubahan usaha-usaha menangkap ikan dalam industri perikanan. Selari dengan penurunan dalam bilangan vesel menangkap ikan

yang dilesenkan, bilangan perkakas menangkap ikan yang dilesenkan juga menurun iaitu sebanyak 2.0% (daripada 27,080 unit pada tahun 1996 kepada 26,535 unit pada tahun 1997).

3.4 Pendaratan Ikan Marin

Pendaratan ikan marin bertambah dengan ketara iaitu sebanyak 3.75% daripada 1,126,689 tan metrik pada tahun 1996 kepada 1,168,973 tan metrik pada tahun 1997. Dari segi nilai pendaratan, terdapat penambahan sebanyak 10.54% iaitu dari RM3.32 bilion pada tahun 1996 kepada RM3.68 bilion pada tahun 1997. Didapati vesel-vesel menangkap ikan komersial yang mengusahakan pukut tunda dan pukut jerut ikan menghasilkan 70% daripada pengeluaran ikan marin. Pada keseluruhannya pendaratan oleh vesel-vesel menangkap ikan pukut tunda menurun (0.8%) iaitu dari 601,980 tan metrik pada tahun 1996 ke 596,759 tan metrik pada tahun 1997. Sebaliknya pendaratan oleh vesel-vesel pukut jerut ikan bertambah sebanyak 11.3% iaitu dari 171,512 tan metrik pada tahun 1996 kepada 190,978 tan metrik pada tahun 1997.

Jadual I

Malaysia
Pendaratan dan Nilai Perikanan Laut Pantai, 1997

	Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai (RM)
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	483,896	1,665,217,377
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	259,675	666,781,637
Semenanjung Malaysia	743,571	2,331,999,014
Sabah	171,943	561,631,980
Sarawak	108,215	357,803,256
Wilayah Persekutuan Labuan	14,158	58,413,490
Jumlah	1,037,887	3,309,847,740

Sebahagian besar daripada pengeluaran ikan marin masih disumbangkan oleh sektor perikanan laut pantai (Jadual 1) yang mana pada tahun 1997 meningkat sebanyak 4.40% dari 994,144 tan metrik kepada 1,037,887 tan metrik dan dengan itu menyumbang sebanyak 88.8% kepada jumlah pengeluaran ikan marin. Sejak dua abad yang lepas sektor perikanan pantai merupakan penyumbang utama kepada pendaratan ikan marin iaitu kekal pada tahap lebih kurang 80% tiap-tiap tahun. Vesel-vesel menangkap ikan komersial (pukat tunda dan pukat jerut) yang hanya merupakan 20% daripada jumlah bilangan vesel menangkap ikan sektor perikanan laut pantai telah menyumbangkan sebanyak 67.4% kepada jumlah pengeluaran sektor ini. Di kalangan sektor perikanan laut pantai, pendaratan oleh vesel pukat jerut ikan tidak berubah iaitu sebanyak 135,489 tan metrik (hanya menurun sebanyak 0.04% sahaja) manakala terdapat sedikit penambahan pendaratan oleh vesel pukat tunda iaitu sebanyak 3.15%. Walaupun bilangan vesel-vesel tradisional yang dilesenkan pada tahun 1997 menurun seperti dinyatakan di atas, pengeluarannya mencatatkan satu kenaikan iaitu sebanyak 7.9% dari 353,197 tan metrik pada tahun 1996 kepada 381,236 tan metrik pada tahun 1997. Didapati bahawa sebahagian besar daripada pengeluaran laut pantai disumbang oleh vesel-vesel komersial terutamanya vesel pukat tunda dan pukat jerut ikan yang dilesenkan untuk beroperasi di sektor ini. Diketahui bahawa vesel-vesel ini beroperasi di kawasan melebihi 30 batu notika iaitu zon untuk perikanan laut dalam. Disamping itu didapati bahawa penambahan pendaratan ikan di sektor perikanan laut pantai disumbangkan oleh vesel-vesel yang mengusahakan perkakas seperti bubu yang bertambah sebanyak 16.2% serta pancing yang bertambah sebanyak 74.8%. Penambahan pendaratan oleh vesel yang mengoperasikan perkakas pancing juga adalah hasil daripada penambahan bilangan vesel pancing di kawasan perairan laut dalam. Pengusahaan vesel-vesel yang menggunakan perkakas bubu juga beroperasi di luar kawasan perairan pantai. Pengeluaran daripada perkakas memunggut yang bergantung kepada kawasan benih semulajadi serta faktor-faktor alam semulajadi juga bertambah dari 17,772 tan metrik pada tahun 1996 kepada 24,698 tan metrik pada tahun 1997. Sebenarnya terdapat penurunan dalam

pengeluaran oleh vesel-vesel yang beroperasi dengan perkakas tradisional terutama yang beroperasi di dalam kawasan perairan pantai. Contohnya adalah kemerosotan pendaratan oleh vesel pukat hanyut iaitu sebanyak 24% dari 28,404 tan metrik pada tahun 1996.

Jadual II

Malaysia
Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1997
(Kuantiti Dalam Tan Metrik)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih	Rawai/Pancing 70 GRT & Lebih	Jumlah
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	22,132	9,401	0	31,533
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	28,785	33,685	0	62,470
Semenanjung Malaysia	50,917	43,086	0	94,003
Sabah	0	2,235	87	2,322
Sarawak	19,156	636	186	19,978
Wilayah Persekutuan Labuan	5,200	9,537	46	14,783
Jumlah	75,273	55,494	319	131,086

Jadual III

Malaysia
Nilai Perikanan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1997
(Nilai Dalam RM)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih	Rawai/Pancing 70 GRT & Lebih	Jumlah
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	54,776,165	30,105,553	0	84,881,718
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	71,242,178	107,872,096	0	179,114,274
Semenanjung Malaysia	126,018,343	137,977,649	0	263,995,992
Sabah	0	7,157,414	374,106	7,531,520
Sarawak	47,410,636	2,036,712	799,812	50,247,160
Wilayah Persekutuan Labuan	12,869,874	30,541,077	197,803	43,608,754
Jumlah	186,298,853	177,712,852	1,371,721	365,383,426

Industri perikanan laut dalam (Jadual II dan III) merangkumi vesel-vesel menangkap ikan yang bermuatan 70 GRT ke atas yang mengusahakan pukat tunda, pukat jerut (kecuali pukat jerut bilis) pancing, pukat hanyut yang beroperasi di kawasan perairan melebihi 30 batu notika. Pada tahun 1997 industri ini menyumbangkan sebanyak 131,086 tan metrik ikan atau merupakan 11.21% daripada jumlah pendaratan ikan marin di Malaysia. Pendaratan ini telah menurun sebanyak 1.10% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Dari segi pendaratan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan 24.06% (31,533 tan metrik), Pantai Timur 47.66% (62,470 tan metrik), Sabah 1.77% (2,322 tan metrik), Labuan 11.28% (14,783 tan metrik) dan Sarawak 15.24% (19,978 tan metrik) daripada jumlah pendaratan perikanan laut dalam. Pada tahun 1997 nilai pengeluaran dari sektor perikanan laut dalam ialah RM 365.38 juta iaitu 9.94% daripada jumlah nilai pendaratan ikan marin di Malaysia. Angka

ini bertambah sebanyak 4.22% iaitu daripada RM350.56 juta pada tahun 1996 kepada RM365.38 juta pada tahun 1997.

Dalam sektor perikanan laut dalam, pendaratan oleh vesel-vesel pukut jerut menunjukkan pertambahan yang ketara (54.3%) iaitu daripada 35,954 tan metrik pada tahun 1996 kepada 55,494 tan metrik pada tahun 1997. Walau bagaimanapun peningkatan ini masih tidak dapat mengimbangi penurunan pendaratan oleh vesel-vesel pukut tunda yang telah menurun sebanyak 21% iaitu daripada 96,267 tan metrik pada tahun 1996 kepada 75,269 tan metrik pada tahun 1997.

4. AKUAKULTUR

4.1 Pengeluaran Akuakultur

Pada keseluruhannya, industri akuakultur menyumbang sebanyak 10% daripada jumlah pengeluaran ikan negara. Dijangka industri akuakultur akan merupakan sektor yang berpotensi untuk meningkatkan permintaan ikan negara. Berkemungkinan tinggi akuakultur akan memainkan peranan utama didalam pengeluaran makanan di abad yang akan datang. Walaupun perancangan dan usaha-usaha telah diambil untuk membangunkan sektor ini, ia akan mengambil satu tempoh masa sebelum hasil dan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya.

Pengeluaran dari sektor akuakultur untuk tahun 1997 telah dipengaruhi oleh pengeluaran kerang yang merosot. Kemerosotan ini telah menjejaskan pengeluaran keseluruhan yang menurun sebanyak 0.99% kepada 107,983 tan metrik tahun ini. Walau bagaimanapun pengeluaran dari sistem kultur yang lain meningkat sebanyak 33% dari 37,267 tan metrik kepada 49,583 tan metrik pada tahun 1997.

Selain pengeluaran ikan untuk makanan, industri akuakultur juga mengeluarkan ikan hiasan (akuarium). Pengeluaran dari sektor ini meningkat sebanyak 11.00% dari 278,462,210 ekor dalam tahun 1996 kepada 309,093,053 ekor dalam tahun 1997. Manakala dari segi nilai, peningkatan adalah sebanyak 12.00% dari RM54.66 juta dalam tahun 1996 kepada RM61.22 juta dalam tahun 1997.

Sejumlah 19,717 penternak terlibat dalam industri akuakultur dalam tahun 1997, iaitu meningkat sebanyak 0.93%. Sejumlah besar tenaga kerja terlibat dalam sektor airtawar terutama dalam ternakan kolam (70.16%), dengan selebihnya didalam sektor bekas lombong (1.32%), sangkar airtawar (6.53%) tangki simen (1.32%) dan kandang airtawar (3.35%). Walaupun bilangan penternak tidak menunjukkan peningkatan yang ketara (0.93%), pengeluaran dari semua sistem ternakan kecuali ternakan kerang menunjukkan peningkatan. Punca utama peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan kawasan ternakan. Pada masa yang sama kadar pengeluaran juga turut meningkat dengan ketaranya untuk beberapa sistem kultur yang utama.

4.2 Ternakan Airtawar

Ternakan airtawar menyumbang sebanyak 30% dari jumlah pengeluaran akuakultur. Dalam tahun 1997 jumlah pengeluaran ternakan air tawar telah meningkat sebanyak 44.05% iaitu dari 21,987 tan metrik kepada 31,672 tan metrik. Dari segi nilai pula ia merekodkan RM239.66 juta iaitu peningkatan 53.45% berbanding tahun sebelumnya dan dengan itu menyumbang hampir 40% dari jumlah nilai pengeluaran akuakultur keseluruhan.

Sektor ternakan kolam airtawar merupakan penggerak utama dalam sistem ternakan ini, menyumbang sebanyak 77.03% (24,397 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran airtawar meningkat 41.6% berbanding dengan pengeluaran tahun 1996. Dari segi nilai ia mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 52.34% dari RM135.94 juta kepada RM207.09 juta. Kebanyakan negeri menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran, di mana negeri Selangor mendahului senarai pertumbuhan dengan pengeluaran hampir lima kali ganda dengan penghasilan

sebanyak 3,266 tan metrik. Pengeluaran dari negeri Perak juga meningkat hampir dua kali ganda dengan penghasilan sebanyak 1,741 tan metrik diikuti oleh negeri Pahang yang menghasilkan sebanyak 9,022 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak 53%. Lain-lain negeri juga merekodkan pertumbuhan tetapi sebaliknya pengeluaran dari negeri Perlis, Kedah dan Sarawak tidak begitu menyakinkan. Negeri Sabah yang biasanya menyumbang 30%, juga tidak mencatatkan pertumbuhan pada tahun 1997. Spesis utama yang ditenak ialah tilapia merah (8,605 tan metrik), tilapia hitam (4,337 tan metrik) dan belut (6,620 tan metrik).

Pengeluaran dari bekas lombong juga meningkat sebanyak 40.96% (dari 2,022 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 2,850 tan metrik dalam tahun 1997). Nilai pengeluaran meningkat sebanyak 48.0% dari RM7.02 juta dalam tahun 1996 kepada RM10.39 juta. Pada keseluruhan luas kawasan ternakan telah menurun dari 1,296 hektar pada tahun 1996 kepada 1,039 hektar dalam tahun 1997. Peningkatan pengeluaran disebabkan kadar pengeluaran yang meningkat dari 1.56 tan/hektar/tahun dalam tahun 1996 kepada 2.74 tan/hektar dalam tahun 1997. Perak dan Selangor merupakan pengeluar utama dalam ternakan bekas lombong. Walau bagaimanapun negeri Pahang menunjukkan kemerosotan pengeluaran dari 320 tan metrik kepada 64 tan metrik. Spesis utama yang dihasilkan ialah Tilapia Merah (33.32%) diikuti oleh Kap Kepala Besar (21.87%) dan Kap Rumput (7.74%).

Ternakan sangkar airtawar menyumbang 18.13% dari keseluruhan pengeluaran ternakan airtawar iaitu menunjukkan pertambahan 17.5%, (peningkatan dari 1,550 tan metrik kepada 1,883 tan metrik dalam tahun 1997). Peningkatan ini disebabkan pertambahan luas kawasan ternakan sebanyak 64% dari 85,815 meter persegi kepada 140,708 meter persegi dalam tahun 1997. Walau bagaimanapun kadar purata pengeluaran telah menurun dari 25.9 kg/m² kepada 13.36 kg/m². Ikan Tilapia Merah merupakan spesis utama ditenak (62.13%) diikuti Ikan Baung (17.28%) dan Patin (16.70%). Pengeluaran dari negeri Terengganu meningkat dengan mendadak dari 57 tan metrik dalam tahun

1996 kepada 808 tan metrik dalam tahun 1997. Negeri Pahang juga menunjukkan peningkatan pengeluaran dari 389 tan metrik kepada 579 tan metrik. Sebaliknya pengeluaran bagi negeri-negeri seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka agak lembab.

Ternakan tangki simen dan kandang menyumbang 2,369 tan metrik terutama ternakan Tilapia Merah, Patin, Baung dan Ikan Keli. Sistem ternakan ini terus berkembang di negeri Perak, Selangor dan Kelantan. Kadar purata pengeluaran telah meningkat dari 14.5 kg/m² dalam tahun 1996 kepada 20.24 kg/m². Negeri Kelantan yang baru muncul dalam bidang ini berjaya meningkatkan pengeluaran dari cuma 7.51 tan metrik pada tahun 1996 kepada 1,304 tan metrik pada tahun 1997.

4.3 Sistem Air Payau

Sektor air payau termasuk ternakan kerang yang biasanya menyumbang 60 hingga 70% jumlah pengeluaran. Lain-lain ternakan termasuk kolam air payau, sangkar air payau, ternakan siput sudu dan tiram.

Dalam tahun 1997, sektor air payau menyumbang 70% daripada jumlah pengeluaran akuakultur. Sumbangan ini menurun dari 80% dalam tahun 1996 disebabkan oleh kemerosotan penghasilan kerang. Pengeluaran dalam tahun 1997 merosot sebanyak 12.36% dari 87,075 tan metrik pada tahun 1996 ke 76,311 tan metrik.

Penghasilan **kerang** merosot dengan ketara sebanyak 18.7% dari 71,795 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 58,400 tan metrik dalam tahun 1997. Negeri Perak hanya berjaya menghasilkan 75% dari pengeluarannya pada tahun 1996 (33,898 tan metrik dari 45,058 tan metrik). Penghasilan kerang dari Negeri Pulau Pinang juga menurun dari 16,692 tan metrik kepada 12,623 tan metrik. Selangor sebaliknya menunjukkan peningkatan dari 9,884 tan metrik kepada 11,589 tan metrik dalam tahun 1997. Didapati bahawa kemerosotan di Perak dan Pulau Pinang bukan disebabkan oleh pengurangan kawasan ternakan yang

mana masih kekal untuk tahun 1997 berbanding dengan kawasan ternakan pada tahun 1996. Laporan menunjukkan bahawa kemerosotan berlaku kerana sumber benih kerang yang berkurangan.

Pengeluaran dari **kolam-kolam air payau** meningkat sebanyak 19% dari 8,954 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 10,384 tan metrik dalam tahun 1997. Peningkatan disebabkan oleh lebih ramai penternak yang terlibat (tambahan 30% kepada 5,533) serta kawasan ternakan yang bertambah sebanyak dua kali ganda kepada 5,910 hektar. Nilai juga bertambah sebanyak 25% dari RM179.01 juta kepada RM224.94 juta. Pengeluaran dari negeri Kedah meningkat sebanyak tiga kali ganda, negeri Melaka dua kali ganda dan negeri Pahang empat kali ganda. Negeri Sabah yang pada keseluruhannya menyumbang sebanyak 30% daripada jumlah pengeluaran kolam air payau dalam tahun 1997, mencatat peningkatan pengeluaran sebanyak 30% kepada 2,900 tan metrik. Lain-lain negeri tidak menunjukkan peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan pengeluaran pada tahun 1996.

Pertumbuhan dari **sangkar air payau** tidak begitu menggalakkan iaitu cuma sebanyak 0.04% (5,619 tan metrik). Walau bagaimanapun nilai pengeluaran meningkat sebanyak 16% dari RM86.38 juta kepada RM100.29 juta dalam tahun 1997. Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak 25% dari 892 tan metrik manakala negeri Perak merekodkan penurunan sebanyak 19% kepada 1,444 tan metrik. Pengeluaran dari lain-lain negeri termasuk Johor yang biasanya giat dalam sektor ini tidak menggalakkan untuk tahun 1997.

Pengeluaran utama dari sangkar air payau terdiri daripada ikan siakap dan jenahak yang menyumbang sebanyak 74% daripada pengeluaran sektor ini. Lain-lain spesis termasuk kerapu, ikan merah, tilapia merah dan ketam.

Pengeluaran **siput sudu** telah meningkat sebanyak 53% dari 1,163 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 1,779 tan metrik dalam tahun 1997. Negeri Johor yang merupakan pengeluar utama dengan pengeluaran sebanyak dua kali

ganda iaitu sebanyak 1,465 tan metrik dengan menyumbangkan 82% pengeluaran siput sudu negara. Negeri-negeri lain seperti Perak, Pulau Pinang dan Perlis juga menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

Nilai pengeluaran siput sudu meningkat hampir RM1 juta dari RM568,000 dalam tahun 1996 iaitu peningkatan sebanyak 60%. Jumlah pengeluaran tiram adalah dua kali ganda iaitu sebanyak 127 tan metrik dalam tahun 1997 dengan nilai pengeluaran sebanyak RM2.1 juta iaitu satu peningkatan dari RM594,000 dalam tahun 1996. Negeri Sabah menunjukkan pertumbuhan yang pesat dalam ternakan tiram, dengan penghasilan yang tertinggi iaitu sebanyak 73 tan metrik berbanding sebanyak 10 tan setahun sebelumnya.

4.3 Ikan Hiasan

Jumlah pengeluaran ikan hiasan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 11.00% dari 278,462,210 ekor dalam tahun 1996 kepada 309,093,053 ekor dalam tahun 1997. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 12.00% dari RM54.66 juta dalam tahun 1996 kepada RM61.22 juta dalam tahun 1997. Johor masih kekal sebagai pengeluar utama ikan hiasan yang menyumbang sebanyak 194,152,116 ekor, iaitu 81% dari jumlah keseluruhan pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1997. Ini diikuti oleh Perak yang menyumbangkan sebanyak 69,020,479 ekor iaitu 22.33%, Selangor menyumbangkan sebanyak 30,291,119 ekor iaitu 9.80%, dan Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 15,423,743 ekor iaitu 4.99% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1997. Dua kumpulan utama ikan hiasan yang dikeluarkan adalah 'cyprinid' yang menyumbangkan sebanyak 45.53%, terdiri dari ikan emas, koi 'barb' dan 'danio' dan 'poeciliid' yang menyumbangkan 25.60% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan negara.

5. PENGELUARAN BENIH

Pengeluaran benih ikan air tawar dari pusat-pusat pembaikbiak ikan kerajaan pada tahun 1997 sebanyak 26.90 juta ekor. Spesis utama yang dibiak ialah Lampam Jawa (8.5 juta ekor), Tilapia Merah (4.99 juta ekor), Lee Koh (3.81 juta ekor) dan Jelawat (2.45 juta ekor). Semua spesis ini menyumbang sebanyak 73.33% daripada pengeluaran keseluruhan benih-benih ikan daripada pusat-pusat kerajaan.

Pengeluaran benih ikan/udang air payau daripada pusat-pusat kerajaan pada tahun 1997 sebanyak 79.25 juta ekor. Spesis utama yang dibiak ialah Siakap (51.21 juta ekor), Udang Harimau (21.14 juta ekor) dan Udang Galah (6.66 juta ekor). Semua spesis ini menyumbang sebanyak 99.69% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan benih-benih udang/ikan daripada pusat-pusat kerajaan.

Pada tahun 1997 sejumlah 6.89 juta ekor benih ikan air tawar dilepaskan ke perairan umum dan sejumlah 5.39 juta ekor benih ikan air tawar digunakan untuk kegunaan pelbagai.

Sebanyak 25.69 juta ekor benih ikan air tawar dibahagikan kepada penternak-penternak pada tahun 1997. Penternak Negeri Sembilan menggunakan benih-benih ikan airtawar sebanyak 18.18 juta ekor. Negeri Sabah sebanyak 3.38 juta ekor dan Perak 1.25 juta ekor. Semua negeri-negeri ini menggunakan benih ikan air tawar sebanyak 88.77% daripada jumlah keseluruhan pengedaran benih-benih kepada negeri-negeri.

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA

1. Introduction.

The fisheries sector in Malaysia plays an important role in providing fish as a source of food and protein. Contributing about 1.57% to the national Gross Domestic Product (GDP), it provides direct employment to more than 79,000 fishermen and 20,000 fish culturists. Over the years, the industry has succeeded in achieving a steady production from its marine inshore fisheries amounting to an average of 800,000 tonnes annually. This production level has been successfully sustained through continuous efforts in resource management measures and controls.

